

Tiada sambutan sempena 2 tahun Anwar jadi PM

Kuala Lumpur: Tiada sambutan rasmi diadakan bulan ini sempena genap dua tahun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata Perdana Menteri akan meneruskan agenda kerja dengan lawatan rasmi ke Korea Selatan pada 24 November ini.

Fahmi, yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata, lawatan kerja itu bertujuan memperkukuh hubungan perdagangan di antara Malaysia dan Korea Selatan, serta menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum persefahaman (MoU) yang membabitkan kementerian dan agensi, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Tiada sambutan diadakan kerana Perdana Menteri komited untuk terus bekerja demi rakyat. Lawatan ini (ke Korea Selatan) penting bagi memastikan kerjasama strategik antara kedua-dua

negara dapat terus diperkukuh," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Komunikasi bulan November di sini, semalam.

Dalam pada itu mengulas mengenai lawatan kerja rasmi Perdana Menteri ke Peru dan Brazil baru-baru ini, beliau menyifatkannya sebagai lawatan yang sangat signifikan, bermula dengan penyertaan dalam Sidang Kemuncak APEC di San Francisco dan G20.

Fahmi berkata, Anwar dijangka menyempurnakan program anjuran Pejabat Perdana Menteri menerusi Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada Sabtu ini.

Mengulas mengenai lawatan kerja rasmi Perdana Menteri ke

Peru dan Brazil baru-baru ini beliau menyifatkannya sebagai lawatan yang sangat signifikan.

"Di Peru, Perdana Menteri turut menerima penghormatan tertinggi daripada kerajaan Peru,

iaitu 'Order of the Sun of Peru' atau 'El Sol del Peru'. Lawatan ini juga membuka peluang besar untuk perdagangan produk halal di Amerika Selatan," katanya.

Fahmi berkata, pengumuman kerjasama Malaysia dengan Brazil untuk menangani isu keterjaminan makanan juga dijangka membuka ruang kepada syarikat

tempatan untuk terbabit dalam sektor strategik itu.

"Namun, kita akan menunggu maklumat lanjut selepas laporan lawatan ini dibentangkan kepada Kabinet pada Jumaat ini," katanya.



Fahmi Fadzil